Berita DYNAMIC PASIR GUDANG

PASIR GUDANG BANDAR RAYA
INDUSTRI DAN PELABUHAN

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

EDISI 02
MAC - APR 2024
رَمَضَان - شَوَّال 1445 هـ



MAJLIS ANGKAT SUMPAH
AHLI MAJLIS MBPG PENGGAL 2024/2025







Edisi Digital

BERITA MENARIK DI DALAM

09 *Program Gotong-royong Perdana Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang 2024*

10 *Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2024*

16 *Sambutan Gemersik Aidilfitri MBPG 2024*

SEKALUNG TAHNIAH DIATAS P

MAJLIS BANDARAY

PARLIMEN PA



ZON MAWAR
YBHG DATO' HAJI MOHD AMIN BIN AHMAD
019-7148519
amin.ahmad@mbpg.gov.my



ZON NUSA DAMAI
ENCIK NORAIZAM BIN ROWAJI
019-7416541
nooraizam@mbpg.gov.my



ZON FLORA HEIGHT
CIK CHUA TIAN CHA
017-2878607
chua.tian.cha@mbpg.gov.my



ZON SCIENTEX 1
ENCIK LEONG LEW SENG
019-7767368
y.s.leong@mbpg.gov.my



ZON RINTING 2
ENCIK LAW YIAK KWANG
012-7206832
law.yiak.kwang@mbpg.gov.my



ZON AIR BIRU
ENCIK ED BAELA BIN MUHALAJAH
013-7515445
ed.baela@mbpg.gov.my



ZON BUKIT DAHLIA
PUAN RAFIAH BINTI MOHAMMAD
019-7081397
rafiah2030@mbpg.gov.my



ZON CENDANA
TUAN HAJI ISHAK BIN MOHD YUSOFF
012-7054785
ishak.yusoff2030@mbpg.gov.my

PARLIMEN



ZON CAHAYA BARU TG. LANGSAT
ENCIK ABDUL MALEK BIN MAHMOOD
013-7042424
abdul.malek2030@mbpg.gov.my



ZON CAHAYA MASAI
ENCIK NORIZAM SHAH BIN MD YUNUS
013-7067205
norizam2030@mbpg.gov.my



ZON KOTA BESTARI
ENCIK MAHENDRAN A/L SUBRAMANIAM
019-7270009
mahendran@mbpg.gov.my



ZON KOTA MASAI 1
PUAN TEH SIEW BOEY
019-7783309
teh.siew.boey@mbpg.gov.my

PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS
YA PASIR GUDANG

ASIR GUDANG



ZON SCIENTEX 2
PUAN HAJAH HARYATI BINTI ISMAIL
012-2967415
haryati2030@mbpg.gov.my



ZON DESA RAKYAT PERDANA
ENCIK SIM SHAW FONG
019-7535066
sim.shaw.fong2030@mbpg.gov.my



ZON SIERRA PERDANA
ENCIK VIJAYAN A/L RAJOO
012-7531485
vijayan@mbpg.gov.my



ZON RINTING 1
ENCIK LIM MING TER
016-7311476
lim.ming.ter2030@mbpg.gov.my



ZON MASAI
ENCIK MADYASIR BIN AHMAD BASIR
011-36548273
madyasir@mbpg.gov.my



ZON SERI ALAM 1
ENCIK CIA CHOW HUI
012-7531485
cia.chow.hui@mbpg.gov.my



ZON SERI ALAM 2
ENCIK RAZANI BIN ABDUL RAUF
019-7703423
razani2030@mbpg.gov.my

N TEBRAU



ZON KOTA MASAI 2
ENCIK LOW SING HUAT
019-7159996
low.sing.huat@mbpg.gov.my



ZON KOTA MASAI 3
PUAN HAJAH RAP'ENAH BINTI ALI
019-7970497
rafenah@mbpg.gov.my



ZON PASIR PUTIH
PUAN ZAINON BINTI BAHARUM
019-7771929
zainon2030@mbpg.gov.my



ZON SUNGAI TIRAM
ENCIK KHAIRUL NIZAM BIN DAUD
019-7600202
khairul.nizam2030@mbpg.gov.my

Berita DYNAMIC
PASIR GUDANG

ISI KANDUNGAN

M/S	TAJUK
05	PROGRAM AKAN DATANG
06-07	MAJLIS ANGKAT SUMPAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS MBPG SESI 2024/2025
08	MAJLIS BERBUKA PUASA MBPG BERSAMA MEDIA
09	PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA TANAH PERKUBURAN ISLAM PASIR PASIR GUDANG 2024
10-11	PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG 2024
12	AKTIVITI PENYIARAN STUDIO TV MBPG DAN RADIO DYNAMIC PASIR GUDANG
13	PROGRAM IFTAR JAMAIE IMARAH TARAWIH PERDANA 2024
14-15	LAWATAN DATUK BANDAR KE TAPAK BAZAR RAMADAN JALAN BACANG DAN TAMAN CENDANA
16-17	GEMERSIK AIDILFITRI 2024
18	LAWATAN KERJA DARI PEJABAT KADI DAERAH KULAI KE MBPG
19	CERAMAH "MENGHARUNGI CABARAN: LEBARAN DIRAI" BERSAMA AKPK

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Yang Berhormat
Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Datuk Bandar Pasir Gudang

PENASIHAT
Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar
Setiausaha

EDITOR
Encik Mohd Syafiq Hanis bin Hamli
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

PENGARANG
Cik Nur Liyana Nabilah binti Zulkarnain

PENERBIT
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO
Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK
PRINT POD SDN BHD

HAK CIPTA TERPELIHARA
Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklumbalas, sila kemukakan kepada

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel. : 07-2547777 | Faks : 07-2515260 | Laman Web : www.mbpg.gov.my













PROGRAM AKAN DATANG!











MAJLIS ANGKAT SUMPAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS MBPG SESI 2024/2025





Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Ahli Majlis MBPG bagi sesi 2024/2025 telah dilaksanakan pada 4 April 2024 bertempat di Dewan Cempaka Jingga, Menara Aqabah. Pelantikan ini memperuntukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi melantik ahli-ahli majlis bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun seperti yang termaktub di dalam Seksyen 10(1) dan Seksyen 10(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)















Pelantikan ini juga sebagai medium semak dan imbang bagi pembuatan dan pelaksanaan polisi dan dasar pihak berkuasa tempatan.





MAJLIS BERBUKA PUASA MBPG BERSAMA MEDIA



Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui Unit Media di bawah Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama Media di Hotel Grand Paragon pada 24 Mac 2024. Majlis telah meraikan seramai 62 pengamal media. Turut hadir, Encik Mohamad Fauzi Ishak, Presiden Gabungan Kelab Media Malaysia, Dato Haji Wan Mohd Noor Haji Wan Mohamed dari Media Digital An Nur dan Encik Rizal Sahimy, Pengurus Besar BestFM.



Yang Berhormat, Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah menzahirkan hasrat untuk menganjurkan lebih banyak program bersama media agar hubungan di antara MBPG dan pihak media dapat dieratkan di dalam ucapannya ketika merasmikan majlis tersebut. Turut diadakan penyampaian sumbangan MBPG kepada tabung kemanusiaan Palestin Media Prima melalui wakil rasmi, Pengurus Negeri TV Media Prima Berhad, Wilayah Selatan.





PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA
TANAH PERKUBURAN ISLAM PASIR GUDANG 2024

3 Mac 2024, Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan telah melaksanakan Program Gotong-Royong Perdana Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang 2024. Gotong-royong telah dilaksanakan di Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang melibatkan 200 orang peserta yang terdiri dari Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), PG. CARE, Masjid Kg. Pasir Gudang Baru, UTK MBPG dan Orang Awam.









Peserta dibahagikan kepada kumpulan bagi melaksanakan aktiviti pembersihan di Zon masing-masing. Atur cara program juga melibatkan pembersihan di tanah perkuburan di sekitar Pasir Gudang seperti :-

1. TP Kg. Cahaya Baru
2. TP Kg. Sg. Latoh
3. TP Sungai Tiram
4. TP Kg. Tjg. Langsat
5. TP Kg. Perigi Aceh
6. TP Kg. Pasir Putih
7. TP Kg. Kuala Masai
8. TP Kg. Pertanian Masai

Program turut disertai Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG. Majlis Bandaraya Pasir Gudang mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program pada hari ini.



PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2024 pada 17 Mac 2024 bertempat di Dewan Muafakat Jalan Gunung, Bandar Seri Alam. 10,000 bekas mangkuk bubur lambuk berjaya dihasilkan dan telah diedarkan kepada komuniti dan orang ramai melalui 4 lokasi yang telah ditetapkan di sekitar Kawasan Pasir Gudang.

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah merasmikan program dengan penglibatan sebanyak 8 buah agensi telah memberikan sumbangan berupa wang tunai dan barangan keperluan memasak bubur lambuk serta 30 penyertaan bagi aktiviti memasak melibatkan JKPZ Pasir Gudang, Pengurusan Masjid dan Surau serta agensi kerajaan dan industri.






Program
LOTTE CHEMICAL TITAN
Kepada: MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Ringgit Malaysia DUA PULUH RIBU SAHAJA RM20,000.00
Program PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG 2024
170324










AKTIVITI PENYIARAN

STUDIO TV MBPG DAN RADIO DYNAMIC PASIR GUDANG

"BULETIN DYNAMIC"



"TAKBIR RAYA WARGA KERJA MBPG"



"EPISODE 1, KAPSUL RAMADAN TAUSIYAH JIWA"



"BUBUR LAMBUK PERDANA 2024"



"UCAPAN AIDILFITRI DATUK BANDAR"



"TEKA RAYA BERSAMA WARGA KERJA MBPG"



IMBAS QR CODE

"Bagi tontonan penuh"

"SAMBUTAN GEMERSIK AIDILFITRI MBPG 2024"







PROGRAM IFTAR JAMAIE
IMARAH TARAWIH PERDANA 2024



Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan telah menganjurkan 'Iftar Jamaie, Imarah Tarawih' Perdana peringkat Pasir Gudang 2024 pada 31 Mac 2024 bertempat di Masjid Al-Firdaus, Taman Pasir Putih.

Program telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Amin bin Ahmad, Ketua Whip Ahli Majlis, Puan Fadilah bt Suradi, Ahli Majlis Pasir Putih dan Encik Sharul Akmal Bin Johari, Pengurus Eksekutif Yayasan Pasir Gudang



Pengisian program melibatkan penyerahan sumbangan oleh Dato'Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang ke rumah- rumah penerima asnaf. Selain itu, program turut diteruskan dengan serahan sumbangan dari Datuk Bandar Pasir Gudang kepada pihak Masjid Al-Firdaus serta simbolik penyerahan sumbangan berupa barangan makanan dan kuih raya daripada Yayasan Pasir Gudang kepada 8 penerima golongan asnaf melalui Ahli Majlis masing-masing.

Turut diadakan sesi tazkirah daripada penceramah jemputan iaitu Ustaz Mohamad Farid Bin Jaapar serta solat jemaah dan tarawikh yang telah diimamkan oleh Imam Jamaludin Bin Tarmiji.



LAWATAN DATUK BANDAR KE TAPAK BAZAR RAMADAN JALAN BACANG DAN TAMAN CENDANA

Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah mengadakan tinjauan dan lawatan tapak ke Bazar Ramadan Jalan Bacang, Bazar Ramadan Taman Cendana pada 19 Mac 2024 dan Bazar Ramadan Jalan Intan, Taman Cahaya Masai pada 26 Mac 2024.













Yang Berhormat Datuk Bandar telah mendengar dan berkongsi pandangan dan pendapat bersama peniaga-peniaga di Bazar Ramadan khususnya mengenai kepentingan bagi mengambil suntikan vaksin typhoid dalam menjaga kebersihan makanan yang dijual.





GEMERSIK AIDILFITRI 2024



Sambutan Gemersik Aidilfitri 2024 anjuran Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) meriah disambut di Puncak Kasih, Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang pada 27 April 2024.

Majlis tersebut telah mengetengahkan 'Raya Dulu-Dulu' dan dimeriahkan dengan tayangan wayang pacak dan pertunjukan bunga api. Majlis turut menyediakan pelbagai juadah serta menampilkan artis undangan Indah Ruhailah dan Shahrol Shiro selaku pengacara majlis.







Turut hadir menyerikan majlis, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berbahagia, Tuan Haji Muzaldin Bin Haji. Mohamed, Pegawai Daerah Johor Bahru serta pemimpin-pemimpin masyarakat dan warga Pasir Gudang.





Majlis Bandaraya Pasir Gudang menerima lawatan kerja dari Pejabat Kadi Daerah Kulai pada 4 Mac 2024. Delegasi lawatan dari pihak Pejabat Kadi Daerah Kulai telah diketuai oleh Tuan As-Sheikh Hj. Amir Bin Mohd Noor, Kadi Daerah Kulai diberikan perkongsian taklimat mengenai Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang oleh wakil Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

LAWATAN KERJA DARI PEJABAT KADI DAERAH KULAI KE MBPG

Delegasi lawatan juga dibawa melawat ke Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah Pasir Gudang bagi mendapatkan pemahaman dan penjelasan yang lebih lanjut. Yang Berusaha, Encik Abdul Malek Bin Mohamed, Timbalan Setiausaha, Majlis Bandaraya Pasir Gudang turut hadir mendengar taklimat lawatan.







CERAMAH "MENGHARUNGI CABARAN: LEBARAN DIRAI" BERSAMA AKPK

Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui Bahagian Audit Dalam dan Integriti mengambil inisiatif menganjurkan "Ceramah Mengharungi Cabaran: Lebaran Dirai" bersama pihak AKPK pada 6 Mac 2024 di Ballroom Cempaka Jingga. Ceramah tersebut telah melibatkan 160 orang warga kerja MBPG yang terdiri dari setiap Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG.







Ceramah telah disampaikan oleh Encik Saidi Ya'acob, pegawai agensi kaunseling dan pengurusan kredit (AKPK) yang mengetengahkan pengisian mengenai asas-asas menabung dan kaedah mengurangkan hutang serta persediaan kewangan menghadapi musim perayaan. Program tersebut turut menyediakan khidmat nasihat dan bantuan kaunseling daripada profesional kewangan kepada warga kerja yang hadir. Turut hadir sama ketika program, Puan Nurul Ashikin binti Haji A Jabar, Setiausaha, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



LAMAN INFO

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Laman Web : www.mbpg.gov.my

Talian Am : 07-254 7777

Email : mbpg@johor.gov.my

PAUTAN INFORMASI

IMBAS

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

majlisbandarayapg_official

Saluran Aduan SISPAA

www.mbpg.gov.my

Saluran Aduan Integriti



